

**KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>JAS lanjut tempoh alat pengesan gas</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Increase penalties of those caught polluting</u>	The Star	Rujuk lampiran 2
3.	<u>111 sekolah terima alat pengesan gas beracun</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 3
4.	<u>Negeri setuju tempat semula kilang bahan kimia</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
5.	<u>Beretika lupus kimia</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 5
6.	<u>Pinjam seminggu lagi</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 6
7.	<u>'Bantulah kami di Pasir Gudang'</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Bacaan udara 24jam di 111 sekolah</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 8

**TEMPATAN**

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
9.	<u>'Sikit pun tidak mengapa'</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 9
10.	<u>Cops to quiz those who spread fake news on Pasir Gudang death</u>	The Star	Rujuk lampiran 10



11.	<b><u>Pencemaran: Tindakan terhadap penyebar info palsu</u></b>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11
12.	<b><u>'Compensate March Sg Kim Kim Victims'</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 12
13.	<b><u>Plastic straw ban not working</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 13
14.	<b><u>Alice lays down the Law on littering</u></b>	The Star	Rujuk lampiran 14
15.	<b><u>Bersama elak pencemaran</u></b>	Harian Metro	Rujuk lampiran 15

## ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
16.	<b><u>Indonesia tarik balik amaran tsunami</u></b>	Berita Harian	Rujuk lampiran 16
17.	<b><u>Conspiracy Theories Live 50 Years On</u></b>	New Straits Times	Rujuk lampiran 17



LAMPIRAN 1  
THE STAR (NATION): MUKA SURAT 7  
TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

### JAS lanjut tempoh alat pengesan gas

**PASIR GUDANG** - Tempoh pinjaman alat pengesan gas daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor kepada 111 sekolah sekitar kawasan Pasir Gudang akan dilanjutkan seminggu lagi sehingga 14 Julai.

Pengarah JAS Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar berkata, ia bertujuan untuk memastikan keadaan udara di setiap sekolah kekal pada paras terkawal selain bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

“Tujuan kita serahkan semula alat ini bukan bermakna keadaan tidak terkawal, cuma kali ini kita mahu mesin ini terpasang 24 jam di setiap sekolah agar dapat analisis yang lebih lengkap.

“Kalau sebelum ini kita memang ambil bacaan empat kali sehari tetapi alat itu hanya dihidupkan ketika mahu membuat bacaan,” katanya selepas mengedarkan alat tersebut kepada wakil sekolah di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang di sini semalam.



LAMPIRAN 2  
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8  
 TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

## Increase penalties of those caught polluting

THE environment is an important issue even though we are faced with many other problems such as economic crises, wars, and unending social problems. But the environment matters because Earth is the only place that we humans have to call home.

If our environment is polluted, life will be effected, and if our environment dies, we too will eventually die. As such, everybody must play a role in protecting the environment.

The Department of Environment (DOE) under the Energy, Science, Technology, Environment & Climate Change Ministry must take legal action against anybody responsible for creating any pollution in the country.

The DOE was created to prevent, eliminate, and control pollution and improve the environment, consistent with the purposes of the Environmental Quality Act 1974 (Act 127) and the regulations thereunder.

“ The government must seriously consider amending the amount of fines and length of imprisonment for environmental culprits.

”  
 The Environmental Quality Act is the most important piece of legislation created to protect our environment from harm.

It is divided into the following processes: Preliminary, administration, licences, prohibition and control of pollution, appeal and appeal board, and miscellaneous.

Powers and functions relevant to the protection of the environment are shared by the direc-

tor-general of Environmental Quality and the minister charged with the responsibility for environment protection. The Act provides for restrictions on air, soil, inland waters and noise pollution as well as the prohibition on the discharge of oil and waste in Malaysian waters and the prohibition on open burning.

Penalties in the form of fines and imprisonment will be imposed against any responsible individual breaking any of the rules under this Act.

However, the government must seriously consider amending the amount of fines and length of imprisonment for environmental culprits.

The current fines and imprisonments, usually around RM100,000 to RM500,000 along with a maximum of five years imprisonment, is too little and and too short. Especially when you consider that most culprits can make millions of ringgit from their illegal activi-

ties that pollute our environment.

The country needs to have strong enforcement and monitoring systems to protect our besieged environment.

There must be close cooperation between federal and state authorities. Any political differences between states and individuals must be set aside to protect the environment effectively.

But it must be noted that we cannot leave the matter of protecting the environment to the government and relevant agencies entirely. Everybody should do their part as well.

Any suspicious activities which can bring harm to our environment must be reported immediately to the relevant authorities.

**DR MUZAFFAR SYAH MALLOW**  
 Senior Lecturer  
 Faculty of Syariah & Law  
 Universiti Sains Islam  
 Malaysia



LAMPIRAN 3  
THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 3  
TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

# 111 sekolah terima alat pengesanan gas beracun



Antara wakil 111 sekolah di Pasir Gudang menunjukkan alat pengesanan gas memantau bacaan VOC di Pasir Gudang, semalam. [Foto Hairul Anuar Rahim]

**Pasir Gudang:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor menyerahkan alat pengesanan gas kepada 111 sekolah di daerah ini bagi memantau bacaan Volatile Organic Compound (VOC) sehingga Sabtu ini.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar, berkata data bacaan VOC dalam tempoh 24 jam itu akan digunakan bagi analisis dan mencari punca insiden gangguan kesihatan terhadap murid dan pelajar sejak lebih dua minggu lalu.

"Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) memutuskan untuk membekalkan semua 111 sekolah di kawasan ini dengan alat pengesanan gas sehingga Sabtu ini bagi menganalisis secara terperinci bacaan VOC dalam tempoh masa 24 jam.

"Sebelum ini bacaan VOC diambil secara berkala empat kali sehari dari pagi hingga petang namun MESTECC mengarahkan bacaan dibuat dalam tempoh lebih panjang.

"Ia bagi membolehkan analisis lebih terperinci dapat dilakukan bagi mengenal pasti punca sebenar gangguan kesihatan yang menjejaskan murid dan pelajar di daerah ini," katanya.

Pencemaran udara di kawasan itu dipercayai punca ratusan murid, pelajar dan guru mengalami gangguan kesihatan sejak lebih dua minggu lalu.

Namun, MESTECC masih belum dapat memastikannya berikutan bacaan VOC yang sering berubah-ubah selain lokasi kejadian yang jauh serta tiada hubungan kait antara satu sama lain.

Sementara itu, Wan Abdul Latiff berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor akan mewujudkan kumpulan WhatsApp bagi membolehkan sekolah menyalurkan bacaan data VOC secara terus.

"Data yang dikumpul secara berpusat ini akan dianalisis dan jika ada sekolah mencatatkan bacaan VOC selain daripada nilai kosong peratus, JAS akan membawa alat Gasmate bagi menentukan kehadiran gas kimia di sekolah berkenaan.

"Keutamaan akan diberi pada sekolah yang mencatat bacaan VOC antara yang tertinggi bagi pemantauan segera," katanya.

Beliau berkata, sebagai langkah pemantauan jangka masa panjang, pihak industri akan membekalkan semua 111 sekolah dengan alat pengesanan gas berkenaan selepas minggu depan.

LAMPIRAN 4  
 UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA): MUKA SURAT 46  
 TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

# Negeri setuju tempat semula kilang bahan kimia

**Kuala Lumpur:** Beberapa negeri bersetuju menempatkan semula kilang menggunakan bahan kimia atau kitar semula ditempatkan di satu tempat yang sama dan jauh dari penempatan orang ramai bagi memudahkan pemantauan dan mengurangkan risiko kesihatan.

Kerajaan negeri Kedah contohnya tidak lagi mengeluarkan lesen baharu untuk membuka kilang menggunakan bahan kimia berbahaya.

Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Tan Kok Yew, berkata pada tahun ini pihaknya mengambil tindakan tegas dengan menutup semua kilang kitar semula yang beroperasi secara haram.

"Kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menempatkan kilang kitar semula di satu tempat berikutan industri berkenaan terlalu kecil.

"Fokus kita untuk mendapat pelaburan industri berteknologi tinggi, hijau, berasaskan agro yang bersesuaian dengan keperluan," katanya, ketika dihubungi BH.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan BH semalam, mengenai kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, supaya negeri mempunyai kawasan perindustrian tersendiri yang terletak jauh daripada penempa-

tan awam bagi mengurangkan risiko pencemaran.

Di Seremban, Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru negeri, Teo Kok Seong, berkata pemusatan kawasan industri sudah dilakukan oleh kerajaan Negeri Sembilan.

Katanya, langkah itu bagi memudahkan pihak berkuasa memantau dan bertindak terhadap pengusaha kilang yang melanggar peraturan.

"Kawasan perindustrian sedia ada sudah disediakan di zon tertentu. Kebanyakan kilang ditempatkan di kawasan perindustrian (yang terletak jauh daripada penempatan awam).

"Kerajaan negeri juga sudah mengenakan syarat yang cukup ketat terhadap kilang yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi. Ini membuktikan kita memandang serius isu pencemaran dan sentiasa mengutamakan kesihatan orang ramai.

"Sejak insiden Pasir Gudang, kerajaan negeri mengarahkan pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk memantau lebih rapi operasi kilang yang berisiko tinggi di negeri ini," katanya.

Sementara itu di Johor Bahru, kerajaan Johor mencadangkan Kerajaan Pusat menggubal peraturan mengehendak kilang berisiko tinggi di kawasan perindustrian.



**Fokus kita untuk mendapat pelaburan industri berteknologi tinggi, hijau, berasaskan agro yang bersesuaian dengan keperluan.**

**Tan Kok Yew,**  
 Pengerusi Jawatankuasa Industri dan Pelaburan, Kerajaan Tempatan dan Perumahan Kedah



**Sejak insiden Pasir Gudang, kerajaan negeri arah pihak berkuasa tempatan dan JAS pantau lebih rapi operasi kilang berisiko tinggi.**

**Teo Kok Seong,**  
 Pengerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Bandar, Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Kampung Baru Negeri Sembilan



**Kebanyakan negeri termasuk Johor mewujudkan kawasan perindustrian bagi membolehkan bukan sahaja pelaburan dibawa masuk, malah cipta peluang pekerjaan.**

**Dzulkefly Ahmad,**  
 Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar Johor

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dzulkefly Ahmad, berkata langkah itu lebih berkesan untuk mengawal dan memantau kilang yang berisiko sekaligus mengurangkan risiko pence-

maran dan membahayakan kesihatan orang ramai. Katanya, cadangan kementerian itu juga perlu disesuaikan dengan keperluan setiap negeri yang mempunyai dasar perindustrian yang berbeza.

"Kebanyakan negeri termasuk Johor mewujudkan kawasan perindustrian bagi membolehkan bukan sahaja pelaburan dibawa masuk, malah mencipta peluang pekerjaan kepada penduduk setempat," katanya.

LAMPIRAN 5  
SINAR HARIAN: MUKA SURAT 39  
TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

# Beretika lupus kimia

**SAUDARA PENGARANG,**

**BAGI** membantu mengurangkan kes-kes pencemaran alam sekitar, pihak berkuasa dan pemain industri perlu melaksanakan sistem pengurusan kimia yang baik termasuk menggunakan strategi *cradle to grave* di mana setiap sebatian bahan itu ditangani di semua peringkat.

Pihak berkuasa dan syarikat terlibat perlu menangani beberapa isu utama termasuk aspek pelupusan bahan kimia yang boleh menyebabkan kemudaratan terhadap pekerja dan orang awam seperti kes di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor.

Antara lain, mereka boleh mencontohi program kawal selia komprehensif Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat (AS) yang memastikan sisa berbahaya diuruskan dari masa ia mula dihasilkan, diangkat, dirawat, disimpan dan sehingga dilupuskan.

Elemen penting untuk pelan berkesan termasuk menyediakan inventori lengkap bagi semua bahan kimia, melaksanakan strategi mengurangkan pembelian bahan kimia serta memilih bahan kurang toksik, membangunkan sistem penyimpanan dan pelabelan, mengenalpasti bahan kimia perlu dibuang serta memastikan pelupusan termasuk proses kitar semula.

Pihak pengurusan syarikat juga perlu mengenal pasti latihan dan peralatan perlindungan diri (PPE) yang sesuai bagi pekerja terlibat selain melaksanakan sistem penyelenggaraan dan pembersihan mesra alam sekitar.

Syarikat-syarikat kimia juga perlu mengawal selia industri secara kendiri dan menyokong inisiatif Penjagaan Bertanggungjawab yang telah diterima pakai oleh Malaysia sejak 1994 melalui inisiatif yang dipelopori Majlis Industri Kimia Malaysia (CICM).

Inisiatif Penjagaan Bertanggungjawab adalah etika dan komitmen yang diambil

industri kimia bagi membina keyakinan dan kepercayaan dalam industri kimia global.

Gelombang terbaru pencemaran kimia di bandar perindustrian Pasir Gudang telah menimbulkan persoalan mengenai keselamatan pekerja serta masyarakat yang bekerja dan hidup berhampiran dengan kemudahan perindustrian.

Punca pencemaran untuk kes kali ini masih belum dikenalpasti walaupun mangsa turut mengalami gejala yang sama seperti pening, kesukaran bernafas, batuk, keletihan atau perasaan melayang-layang.

Dalam kejadian pertama, sumber pencemaran dikenalpasti sebagai bahan kimia yang dibuang di sepanjang Sungai Kim Kim. Bagaimanapun, kawasan yang terjejas oleh kejadian kedua lebih luas berdasarkan lokasi sekolah-sekolah terbabit.

Rakyat mahukan tindakan lebih proaktif oleh semua agensi terlibat dan mereka perlu mengambil apa jua langkah yang diperlukan untuk memastikan keselamatan rakyat termasuk para pelajar di sekolah berdekatan.

Kita tidak mahu tindakan reaktif semata-mata untuk mengelakkan berlakunya insiden lain selepas kejadian terbaharu yang turut dikenali sebagai insiden Sungai Kim Kim kedua.

Pihak berkuasa perlu menyoal sehingga ke peringkat akar umbi untuk menentukan punca pencemaran kimia terbaru dan memastikan masyarakat Pasir Gudang termasuk sekolah dan kawasan perumahan selamat manakala industri di kawasan tersebut tidak menjadi ancaman kepada alam sekitar.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Johor, Mohd. Khuzzan Abu Bakar baru-baru ini mendedahkan kebanyakan kilang kimia di Pasir Gudang melakukan kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar.

Beliau dilaporkan berkata, 81 daripada 90 kilang yang diperiksa oleh pihak berkuasa melakukan sekurang-kurangnya

satu kesalahan di bawah akta tersebut.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin, berkata, pada masa ini terdapat 2,005 kilang di Pasir Gudang dan 250 daripadanya adalah kilang kimia.

Pihak berkuasa mesti mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang bertanggungjawab mencemar alam sekitar dan mengancam kesihatan para pekerja masing-masing dan orang awam dengan bahan kimia berbahaya.

Di AS misalnya, lebih daripada 32 juta pekerja terdedah kepada 650,000 produk kimia berbahaya di lebih tiga juta tempat kerja.

Bahan-bahan berbahaya termasuk bahan kimia di makmal sekolah serta bahan kimia kering dan cecair yang digunakan untuk aktiviti penyelenggaraan dan pembersihan.

Saya juga berharap pihak berkuasa mengesan dan membersihkan semua tapak pelupusan haram kerana mereka boleh diibaratkan sebagai bom jangka yang boleh menyebabkan kemudaratan jangka panjang.

Tindakan sedemikian juga mampu mengelak berulangnya kes Sungai Kim Kim yang mana sisa toksik dibuang ke dalam sungai.

Sebagai seorang aktivis sosial yang banyak bergerak ke seluruh negara, saya menyedari negeri-negeri lain turut mempunyai industri kimia yang mungkin berhadapan masalah sama berkaitan pelupusan haram.

Kita tidak perlu menunggu sehingga bencana lain berlaku sebelum mengambil tindakan tegas terhadap masalah ini.

Semua agensi negeri dan Persekutuan perlu bekerjasama untuk mencari dan membersihkan semua tapak pelupusan kimia haram kerana kita tidak boleh membiarkan bom jangka ini meletup dan menyebabkan kecederaan atau kematian mereka yang tidak bersalah.

**TAN SRI LEE LAM THYE**  
Aktivis masyarakat



**PELUPUSAN** bahan kimia perlu dilakukan secara berhati-hati bagi mengelak kemudaratan terhadap pekerja dan orang awam. **GAMBAR/HIASAN/UTUSAN**

LAMPIRAN 6  
 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 11  
 TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)



SEBAGIAN wakil guru daripada 111 buah sekolah menunjukkan alat pemantau multi-gas iaitu MultiRAE Gas Detector dari JAS di Stadium Tertutup Pasir Gudang, semalam.

# Pinjam seminggu lagi

■ JAS setuju lanjut penggunaan alat pengesan baca kualiti udara



zlaily Nurul Ain Hussein  
 izlaily@hmetro.com.my

**Pasir Gudang**

**L**anjut pinjaman bagi tempoh seminggu lagi itu keputusan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang setuju meminjamkan alat pengesan gas bagi mengambil bacaan kualiti udara di 111 sekolah di sekitar daerah ini dilanjutkan hingga Sabtu ini.

Pengarah JAS negeri, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar berkata, pihaknya menyerahkan alat pengesan gas bagi membolehkan pihak sekolah memantau bacaan Volatile Organic Compound (VOC) hingga Sabtu ini.

Menurutnya, langkah itu dilakukan bagi merekodkan data bacaan VOC dalam tempoh 24 jam bagi analisis mencari punca insiden gangguan kesihatan terhadap murid dan pelajar yang berlaku sejak lebih dua minggu lalu.



ALAT pemantau multi-gas.

"Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) memutuskan untuk membekalkan semua 111 sekolah di kawasan ini dengan alat pengesan gas hingga Sabtu ini bagi menganalisis secara terperinci bacaan VOC dalam tempoh 24 jam.

"Selepas sehari (semalam) pihak sekolah memulangkan alat pengesan gas yang dipinjamkan JAS untuk mengambil bacaan kualiti udara

di 111 sekolah sekitar Pasir Gudang, jabatan menyerahkan semula alat berkenaan.

"Ia berikutan, MESTECC mengarahkan JAS melanjutkan tempoh pemantauan seminggu ke atas kepada setiap sekolah," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Wan Abdul Latiff berkata, alat pengesan gas itu akan dipasang 24 jam dan bacaan kualiti udara akan diambil secara berkala setiap empat jam sekali.

"Jika sebelum ini kita ambil bacaan empat kali sehari dan alat cuma dipasang ketika hendak mengambil bacaan, tetapi kali ini ia akan dipasang secara berterusan selama 24 jam, walaupun bacaan tetap dibaca setiap empat jam sekali.

"Semua data yang diperoleh daripada pihak sekolah akan diserahkan kepada kita untuk kita lihat keperluan menghantar alat pengesan gas yang lebih terperinci iaitu Gasmet," katanya.



## LAMPIRAN 7 UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 8 TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

### 'Bantulah kami di Pasir Gudang'



Suhana Mohamed

**K**EMENTERIAN Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim memaklumkan bahawa satu memorandum mendapatkan peruntukan memwujudkan stesen pemantau bahan-bahan cemar udara secara tetap telah dibentangkan di Kabinet pada 5 Julai lalu.

Stesen ini bertujuan mengesan pencemaran udara secara lebih cepat dan berkesan. Andainya stesen ini diwujudkan maka pemantauan secara lebih spesifik terhadap kualiti udara di kawasan Pasir Gudang akan dapat dijalankan dengan mudah.

Kami rakyat Pasir Gudang amat berharap dengan adanya stesen kekal sebegini, pemantauan secara berkala dan berterusan dapat dijalankan malah tahap kualiti udara dapat dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Pun begitu, bagaimanakah keadaan masyarakat dalam kawasan kejiranan Pasir Gudang? Persoalan yang berlegar di sanubari kerana bimbang dengan masyarakat yang tinggal di sana mahupun mencari rezeki di kawasan yang sudah sekian lama menjadi lubang rezeki pelbagai profesion itu.

Sudah pasti mereka berdepan dengan trauma akibat kes pencemaran udara ini. Ini kerana sudah dua kali insiden yang sama berulang menyebabkan para penduduk



**DIHARAPKAN** akan ada pelan pengurusan trauma selepas bencana bagi memastikan wujud sokongan berterusan untuk penduduk di Pasir Gudang, Johor. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga.

Apa yang paling penting dan utama adalah bagaimanakah masyarakat setempat mengurus dan menjalani kehidupan mereka selepas bencana seperti ini?

Kejadian seperti ini sebenarnya boleh memberi kesan yang mendalam kepada mangsa. Antara kesan segera dan ketara yang boleh berlaku adalah kesan psikologi yang traumatik dan boleh menjejaskan emosi mangsa.

Kesan traumatik yang tidak berjaya dikawal boleh meninggalkan kesan terhadap seseorang individu. Ia boleh menyebabkan kecederaan fizikal, emosi, psikologi ataupun mental. Seseorang yang mengalami trauma berkemungkinan

akan berasa bimbang atau ketakutan.

Dalam sesetengah kes, mereka mungkin tidak tahu bagaimana untuk memberi respon atau mungkin menafikan kejadian yang berlaku. Individu seperti ini amat memerlukan bantuan dan masa untuk menyembuhkan diri di samping menstabilkan emosi dan mental mereka.

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan individu mampu untuk kembali kepada keadaan asal selepas mengalami sesuatu tragedi. Adalah normal bagi seseorang untuk mengalami tekanan selepas bencana tetapi selepas beberapa bulan seseorang itu sebenarnya sudah mampu menjalani kehidupan seperti biasa.



"Sudah pasti mereka berdepan dengan trauma akibat kes pencemaran udara ini. Ini kerana sudah dua kali insiden yang sama berulang menyebabkan para penduduk mengambil pelbagai langkah berjaga-jaga. Apa yang paling penting dan utama adalah bagaimanakah masyarakat setempat mengurus dan menjalani kehidupan mereka selepas bencana seperti ini?"

Sebagai ahli keluarga dan masyarakat, kita perlu memberi masa kepada mereka yang berdepan bencana untuk menyesuaikan diri.

Kita haruslah sentiasa mengambil berat serta menunjukkan sikap memahami situasi yang sedang mereka hadapi dan perlu tangani saat berdepan krisis tersebut.

Selain daripada itu, kita juga boleh mendengar mereka meluahkan perasaan yang mengganggu fikiran. Bantuan boleh diberikan dengan membantu mendaftarkan mereka menyertai pelbagai kumpulan sokongan yang diketuai pakar yang terlatih.

Mereka perlulah dinasihatkan untuk sentiasa mengamalkan gaya hidup sihat.

Di samping itu, galakkan mereka untuk menambah baik rutin seharian mereka. Sentiasalah mengambil berat akan keadaan mangsa bencana dan menggalakkan mereka untuk tidak membuat apa-apa keputusan yang besar dalam kehidupan mereka untuk sementara waktu.

Saya berharap akan ada pelan pengurusan trauma selepas bencana bagi memastikan ada sokongan dan bantuan berterusan untuk rakyat yang berdepan dengan bencana sebegini.

Kita mahu semua pihak sama ada kerajaan, swasta, rakyat yang dilanda bencana mahupun yang ingin membantu serta pelbagai agensi pertubuhan bukan kerajaan dapat bersama-sama menghadapi bencana ini walaupun sekadar memberi sokongan moral kepada mereka yang dilanda musibah ini.

Saya kira sudah sampai masanya kita melihat apa yang telah dibuat di negara Iceland. Ini kerana Iceland telah diiktiraf sebagai negara paling selamat di dunia berdasarkan Skor Indeks Keselamatan yang dikeluarkan oleh majalah *Global Finance*.

Majalah tersebut membuat penilaian dengan mengambil kira soal perang dan keamanan, kadar jenayah serta risiko bencana alam. Sudah pasti kita juga ingin melihat negara kita mencapai status sebegini pada masa akan datang. Tidak mustahil bukan?

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan Kewangan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Pasir Gudang, Johor.

LAMPIRAN 8  
SINAR HARIAN (CETUSAN): MUKA SURAT 17  
TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

Alat pengesan gas diserahkan kembali sehingga Sabtu ini

# Bacaan udara 24 jam di 111 sekolah

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI  
pengarang@utusan.com.my

■ PASIR GUDANG 8 JULAI

**K**ESEMUA 111 buah sekolah di kawasan Pasir Gudang kini diminta untuk merekodkan bacaan udara 24 jam sehari menggunakan alat pengesan gas yang dibekalkan kerajaan.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Wan Abdul Latiff Wan Jaafar berkata, tindakan itu dilakukan bertujuan sebagai langkah pemantauan dan pencegahan.

Menurut beliau, sebelum ini pihaknya sudah menyerahkan alat berkenaan dan kini dilanjutkan sehingga Sabtu depan.

“Sebelum ini, bacaan diambil sebanyak empat kali dalam tempoh sehari, namun pada kali ini pihak sekolah diminta untuk membiarkan alat pengesan gas itu beroperasi 24 jam.

“Ini akan membolehkan

bacaan Volatile Organic Compound (VOC) diambil secara lebih lengkap berbanding sebelum ini,” katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Terdahulu JAS menyerahkan kembali alat pengesan gas kepada kesemua 111 buah sekolah dalam kawasan pentadbiran Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Gudang di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).

Tambah beliau, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) memberi arahan untuk melanjutkan tempoh penyerahan alat pengesan gas tersebut kepada pihak sekolah sebelum pihak in-



WAN ABDUL LATIFF



ROSNI KASSIM

dustri membekalkannya dalam waktu terdekat.

Sementara itu, Guru Besar Sekolah Kebangsaan Permas Jaya 4, Rosni Kassim berkata, pihaknya bersedia memberi kerjasama dengan mengambil tindakan, seperti diarahkan pihak JAS negeri.

“Kami akan melakukannya seperti yang diminta iaitu membiarkan alat itu berfungsi bagi mengambil bacaan sepanjang hari kerana tindakan ini bertujuan untuk memastikan keselamatan murid-murid.

“Langkah mengambil bacaan sepanjang hari juga dilihat akan lebih memudahkan usaha pemantauan kualiti udara dibuat,” ujarnya.



KEMENTERIAN Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim membekalkan semula alat pengesan gas kepada 111 sekolah di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor, semalam. - UTUSAN/NUR AISYAH MAZALAN

LAMPIRAN 9  
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 1  
TARIKH: 9 JULAI 2019 (SELASA)

Mangsa pencemaran toksik perlu diberi pampasan

# 'Sikit pun tidak mengapa'

Oleh AZMAN IBRAHIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 8 JULAI

**K**ERAJAAN digesa memberi pampasan kepada penduduk yang terjejas berikutan pencemaran sisa toksik di Pasir Gudang yang memburuk sejak tiga bulan lalu.

Perkara itu dibangkitkan sendiri oleh wakil kerajaan, **Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang)** sewaktu membahaskan Rang Undang-Undang Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 untuk bacaan kali kedua dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Katanya, pampasan bagaimanapun tetap perlu diberikan walaupun dalam jumlah yang sedikit.

"Saya punyai pandangan sama (senada dengan pembangkang). Dalam kerajaan baharu yang prihatin, tidak banyak atau sedikit sekali pun, kerajaan perlu bagi pampasan.

"Apabila berlaku kejadian bencana alam sekitar (tragedi kebocoran gas) seperti di Bhopal, India, ribuan telah mati. Tribunal pengguna diadakan, bukan setakat di India tapi di peringkat antarabangsa. Jadi, saya sambut baik, cadangan tribunal pengguna diadakan untuk kejadian di Pasir Gudang," katanya.

Hassan menyahut cadangan **Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim (BN-Arau)** yang mencadangkan supaya sebuah tribunal pengguna ditubuhkan bagi memberi pembelaan kepada mangsa-mangsa pencemaran di Pasir Gudang.



**PENCEMARAN** toksik yang berlaku di Pasir Gudang baru-baru ini bukan sahaja menyebabkan sekolah-sekolah ditutup malah menjejaskan kesihatan


Dalam pada itu, Hassan berkata, beliau amat berpuas hati dengan keprihatinan yang ditunjukkan oleh menteri dan timbalan menteri di Pasir Gudang.

